

JADIKAN TEMPAT KERJA SEBAGAI 'SYURGA' BUKAN TEMPAT BERLAKU KECELAKAAN

DI MANA juga tempat kita bekerja sama ada di pejabat, di ladang, sebagai nelayan atau di tapak pembinaan bangunan atau jalan raya adalah tempat yang paling penting dalam kehidupan kita. Ini kerana di situ lah kita mencari nafkah dan menggunakan rezeki yang kita perolehi itu untuk menyara keluarga masing-masing.

Oleh yang demikian kita perlu menjadikan tempat kita mencari nafkah itu sebagai syurga dalam kehidupan harian kita, bukan sebagai neraka yang boleh mengundang pelbagai bencana dan bahaya terhadap diri kita dan rakan-rakan lain di kawasan berkenaan. Untuk menjadikan tempat kita bekerja itu sebagai tempat yang selamat kita amat wajar berwaspada mengikut setiap arahan dan peraturan yang membabitkan keselamatan diri.

Kita tidak seharusnya memandang remeh setiap remeh atau ringan terhadap apa ju-

bentuk arahan dan peraturan yang menggalakkan kepada keselamatan semasa berkerja. Sebagai contoh, jika di tempat kerja itu kita perlu menggunakan kasut dan topi keledar keselamatan ia wajar dipatuhi. Begitu juga, jika tempat kita bekerja itu mewajipkan kita menggunakan topeng penutup muka, hidung dan mulut dan pelempung kita juga wajar mematuinya. Jika kita ingkar, kecelakaan yang lebih buruk akan boleh terjadi kepada kita jika ada perkara yang tidak diingini berlaku.

Jika di tempat kita bekerja itu tidak memerlukan pekerjanya menggunakan topi keledar, topeng muka dan kasut keselamatan seperti di pejabat dan dibilik darjah, kita juga tidak terlepas daripada menerima arahan atau peraturan lain yang turut mengajak kita menjaga keselamatan. Antaranya ialah tidak membuat sambungan elektrik di dalam pejabat sesuka hati, sentiasa mematikan suis lampu

Wawasan Pengarang

Utusan Sarawak

atau alat-alat elektronik di dalam pejabat jika ia tidak digunakan atau sebelum meninggalkan pejabat semasa tamat masa bekerja. Jika kita gagal berbuat demikian, kita juga tidak akan terlepas daripada mendapat bencana jika beberapa perkara buruk berlaku.

Namun bagi mereka yang tidak mempunyai pejabat dan bekerja sendiri seperti

nelayan atau pekebun, mereka juga perlu berwaspada setiap kali melakukan pekerjaan di ladang seperti membubuh racun perosak dan menggerakkan jentera pembajak, jika ada yang cuai, celaka padanya. Begitu juga golongan nelayan, mereka perlu menggunakan jaket keselamatan setiap kali berada di laut. Jika berlaku sebarang yang tidak diingini, jaket keselamatan itu mampu membantu mangsa atau nelayan tersebut terus tenggelam.

Oleh yang demikian, keselamatan atau berlakunya bencana di tempat kerja adalah ditangan pekerja itu sendiri. Waima sekeras manapun amaran dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak majikan terhadap pekerjanya jika pekerjanya masih degil, perkara yang malang akan terus berlaku terhadap pekerjaan berkenaan.

Jika kemalangan itu berlaku, yang rugi bukan sahaja majikan syarikat atau jabatan

terbabit, tetapi individu mangsa dan keluarganya juga yang akan menerima kesan daripada kecederaan yang dialami itu. Bagi mengelakan kecelakaan tidak akan terus berlaku di tempat kerja, setiap kakitangan dan pegawai di tempat terbabit perlu mempunyai kesedaran yang tinggi tentang pentingnya menjaga keselamatan diri semasa di tempat kerja terutama di tapak binaan.

Sehubungan ini kita amat bersetuju dengan kenyataan Pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye supaya semua Pemaju, kontraktor dan pekerja merekadigesa komited sepenuhnya terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan aspek keselamatan untuk mencegah kemalangan di tempat kerja daripada berlaku di tapak pembinaan.